

29 MAR 1996

Syarahhan Ilmu

KERAJAAN TERENGGANU PERKENAL SIRI SYARAHAN ILMU

BESUT, 29 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Terengganu memperkenalkan siri syarahan ilmu bagi memberi peluang kepada penduduk negeri ini mendapatkan ilmu daripada tokoh-tokoh ilmuan dalam dan luar negara pada setiap bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Agama Islam Negeri, Datuk Dr. Yusof Nor berkata siri syarahan ilmu itu dikenali sebagai siri syarahan Nadi dan siri syarahan Darul Iman.

Katanya siri syarahan Nadi melibatkan tokoh-tokoh tempatan yang khusus membincang tajuk-tajuk syarahan keagamaan manakala siri syarahan Darul Iman pula melibatkan tokoh-tokoh bertaraf antarabangsa dengan syarahan mencakupi semua aspek dan bidang keilmuan.

Menurutnya, siri syarahan ilmu itu dimulakan dengan menjemput tokoh ilmuan agama yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Sunnah Dan Sirah Qatar Sheikh Dr. Yusof Abdullah Al-Qaradawi menyampaikan syarahan Darul Imannya di Wisma Darul Iman di Kuala Terengganu semalam.

Yusof berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran sebuah syarikat bas pesiaran20 di sini hari ini.

Menurutnya antara tokoh yang dijangka akan menyertai syarahan ilmu itu nanti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berharap penduduk tempatan termasuk ketua-ketua jabatan dan pemimpin masyarakat dapat menyertai siri syarahan yang diadakan.

Yusof berkata kerajaan negeri merancang membukukan setiap isi syarahan ilmuan dan akan menerbitkan pada setiap penghujung tahun untuk dijadikan sebagai khazanah umum. -- Bernama

ND AHH